

03 APR 1998

DR MAHATHIR SERAH EMPAT EKOR LEMBU SEMPENA AIDIL ADHA

ALOR SETAR, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyerahkan empat ekor lembu kepada empat masjid di negeri ini untuk dikorbankan sempena hari raya Aidil Adha, Selasa ini.

Menurut wakil peribadi Perdana Menteri, Saad Hashim penyerahan itu akan dilakukan pada petang Isnin iaitu masing-masing seekor di kem tentera Tok Jalai, Jitra, Masjid Kampung Padang Limau, Tunjang, Masjid Pendang dan Masjid Titi Gajah.

Beliau berkata pada sebelah petangnya, Dr Mahathir selaku Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu akan mempengerusikan mesyuarat anggota jawatankuasa bahagian itu yang akan diadakan di pejabat Umno bahagian itu di Jitra.

Seperti kebiasaannya, selepas menunaikan solat sunat Aidil Adha di Masjid Zahir, Perdana Menteri akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra mulai pukul 10 pagi sehingga 2 petang, katanya.

Dr Mahathir akan melawat tapak baru masjid Akar Peluru, di Jalan Pegawai, di sini sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MZM RHM